

PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TERHADAP PROSES PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DALAM KALANGAN GURU PELATIH KUIS

Dayang Nor Aisyah Amirah Binti Ahmad Za'im Faisal
dgnoraisyah261@gmail.com
Kamarulnizam Bin Sani
kamarulnizam@kuis.edu.my
Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Abstrak

Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di era globalisasi ini adalah semakin meluas malah digunakan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) boleh memberi impak yang positif kepada guru khususnya guru pelatih di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap kemahiran guru pelatih di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Objektif kajian ini adalah mengenal pasti kemahiran penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih KUIS, mengenal pasti tahap kesediaan guru pelatih KUIS dalam mengamalkan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru pelatih KUIS untuk menggunakan TMK terhadap proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan. Data diperolehi melalui set soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 25.0. Sampel kajian ialah seramai 92 orang guru pelatih terlibat menjawab soal selidik. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih KUIS berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Oleh itu, diharap kajian ini dapat memberi impak kepada guru pelatih dan Fakulti Pendidikan KUIS dalam usaha untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kesediaan bagi melahirkan guru pelatih yang berketerampilan pada masa hadapan.

Kata Kunci : globalisasi, Penggunaan TMK, Guru pelatih KUIS, Pengajaran dan pemudahcaraan,.

Abstract

The use of Information and Communication Technology (ICT) in this era of globalization is becoming more widespread and even used in the education system in Malaysia. Information and communication technology (ICT) in teaching and facilitation can have a positive impact on teachers, especially trainee teachers at the Selangor International Islamic University College. Therefore, this study aims to examine the level of skills of trainee teachers at the Selangor International Islamic University College (KUIS) in using Information and Communication Technology (ICT) in teaching and facilitation. The objectives of this study were; identify ICT use skills among KUIS trainee teachers, identify the level of readiness of KUIS trainee teachers in practicing the use of ICT in teaching and facilitation and identify problems faced by KUIS trainee teachers to use ICT in the teaching and facilitation process. The method used in this study is a descriptive quantitative method that uses survey method. Data were obtained through a set of questionnaires and analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 25.0. The sample of the study was a total of 92 trainee teachers involved in answering the questionnaire. Overall, the results of the study show that the use of ICT among KUIS trainee teachers is at a high level of interpretation. Therefore, it is hoped that this study can have an impact on trainee teachers and the Faculty of Education KUIS in an effort to prepare themselves with the knowledge and readiness to produce skilled trainee teachers in the future.

Keywords :globalization, ICT, KUIS trainee teachers, teaching and facilitating.

Ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah berkembang dengan pesat ke serata dunia dan ia juga memberi satu peralihan yang sangat besar termasuk dalam bidang pendidikan terutamanya

dari segi aspek pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Selain itu, perkembangan TMK semakin pesat dan sangat meluas digunakan serta diterapkan di peringkat institusi pendidikan tinggi terutama di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dengan adanya TMK sebagai alat pemudahcara semasa kuliah di KUIS, ianya dapat meningkatkan produktiviti, kemahiran dan keberhasilan sistem pengurusan kolej. Di samping itu juga, keberkesanan pihak pensyarah terhadap penggunaan TMK dalam sesi pengajaran membuka mata kepada guru pelatih bahawa pentingnya kaedah pengajaran yang berteraskan TMK dalam pengajaran pada zaman moden ini.

Penyataan Masalah

Isu pihak guru pelatih kurang kemahiran dalam penggunaan TMK dalam pengajaran. Penggunaan TMK dalam pengajaran menjadi lebih sukar sekiranya guru pelatih tidak menguasai kemahiran yang diperlukan dalam sesuatu perisian (Darchinie Rani dan Md Yusoff Daud, 2019). Perkara ini juga turut disokong oleh Maszlee Malik (2019) bahawa kemahiran penguasaan TMK perlu menjadi amalan PdPc guru pelatih. Seperti mana Revolusi Industri 4.0 yang menekankan penggunaan teknologi khususnya semasa proses PdPc seperti penggunaan TMK tidak banyak memerlukan penggunaan pendekatan tradisional dan memberikan kesan terhadap aspek pembelajaran (Daricin et. al, 2018). Dalam konteks ini, aspek pendidikan latihan guru pelatih cukup penting supaya tidak ketinggalan dalam menerima impak perkembangan dunia masa kini. Oleh itu, Fakulti Pendidikan KUIS khususnya perlu menghasilkan bakal guru pelatih yang berkualiti dalam bidang pendidikan bagi mendidik generasi baru.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui kemahiran penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih KUIS,
2. Mengetahui tahap kesediaan guru pelatih KUIS dalam mengamalkan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

SOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah kemahiran penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih KUIS?
2. Sejauh manakah tahap kesediaan guru pelatih KUIS dalam mengamalkan penggunaan TMK dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc)?

TINJAUAN LITERATUR

Definisi Istilah

1.1 Penggunaan

Menurut Mohd Noorhadi dan Zurinah Tahir (2017) definisi bagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terhadap proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah sangat penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan moden masa kini. Hal ini kerana, ia mempengaruhi pengintegrasian penggunaan TMK dalam menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan produktif. Justeru, dalam kajian ini merujuk kepada tahap penggunaan guru pelatih dalam menggunakan perkakasan dan perisian TMK semasa proses PdPc. Oleh itu, guru pelatih perlu mengoptimumkan pengetahuan dan kemahiran yang ada untuk mengintegrasikan penggunaan TMK dalam pengajaran.

1.2 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) mempunyai kepelbagaian bentuk dari segi peralatan dan perkakasan yang digunakan untuk memproses, mengurus, memanipulasi, memindah, menyimpan serta menyebarkan maklumat melalui media elektronik (Siti Hayati dan Mohd Halim, 2020). Dengan kata lain, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) adalah gabungan teknik suara, bunyi, gambar, video serta teks yang mewujudkan suasana PdPc lebih kondusif dan menyeronokkan (Mohd Noorhadi dan Zurinah Tahir, 2017). Perkara ini turut disokong oleh kajian Chew Le Yee dan Suziyani (2021) yang menyatakan bahawa konsep asas dalam penggunaan TMK adalah seperti komputer, LCD serta perisian aplikasi komputer seperti *Adobe Photoshop*, *Adobe Animate* serta perisian lain untuk memudahkan

proses penerimaan dan penyebaran maklumat ketika mengajar kelak. Selain itu, perisian TMK juga merangkumi perisian *Microsoft Words*, *Microsoft Powerpoint* serta *Microsoft Excel* untuk kesediaan guru pelatih dalam menggunakan perisian ini dalam proses PdPc. Oleh yang demikian, secara umumnya TMK mampu mengumpulkan semua maklumat dan disebarikan kepada pelajar dalam pelbagai bentuk. Malah, dalam kajian ini teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) merujuk kepada satu teknologi yang sangat penting dan berguna kepada guru pelatih supaya dapat mengaplikasikan dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di dalam kelas agar pembelajaran yang dijalankan menjadi lebih menarik dan menyeronokkan.

1.3 Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah proses rancangan pengajaran guru pelatih terhadap pelajar di sekolah, malah guru pelatih mestilah berkemahiran dan bersedia dalam mengikuti corak transformasi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdPc yang lebih kreatif dan inovatif terhadap kandungan pembelajaran yang lebih relevan (Julian@Juliana dan Mohd Izham, 2020). Kajian daripada Mohd Noorhadi dan Zurinah (2017) juga menyatakan bahawa guru pelatih perlu memiliki kelebihan seperti kreativiti dan inovasi semasa melaksanakan PdPc agar minat belajar dapat terbina dalam diri setiap pelajar. Selain itu, guru pelatih mestilah mempunyai kemahiran dan gaya penyampaian yang pelbagai supaya dapat memudahkan pelajar menerima serta memahami isi pelajaran yang disampaikan dan dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam PdPc (Shamilati Che Seman et al., 2018). Maka, PdPc dalam kajian ini ialah guru pelatih berperanan bukan sahaja sebagai pemberi ilmu tetapi sebagai pelaksana dan pemudahcara dalam membantu pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran serta bertanggungjawab dalam mengelola isi pelajaran dan menjalankan aktiviti pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, guru pelatih pada masa kini perlu memiliki kemahiran serta bersedia dan mahir dalam menggunakan TMK semasa sesi PdPc di sekolah.

1.4 Guru Pelatih

Guru pelatih merupakan guru yang sedang menjalani latihan keguruan serta mempunyai kemahiran menggunakan TMK yang baik untuk menyampaikan maklumat terutamanya semasa melaksanakan PdPc (Masni, Melor Fauzita dan Mashetoh, 2020). Selari dengan itu, guru pelatih perlu lebih bersedia dan mahir agar tidak berasa janggal apabila menggunakan TMK semasa dalam latihan mengajar mengedarkan satu set soal selidik, pengkaji terlebih dahulu akan memperolehi maklumat berkaitan dengan bilangan kelas dan jumlah pelajar di dalam setiap kelas. Kemudian, pengkaji mendapatkan nombor telefon bagi setiap wakil program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan seperti dalam kajian. Setelah selesai mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Langkah yang seterusnya, pengkaji menghubungi setiap wakil kelas untuk memberikan set soal selidik melalui *Google Forms* secara atas talian melalui *WhatsApp* dan diedarkan kepada responden untuk dijawab. Set soal selidik tersebut diedarkan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan guru pelatih terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Maklumat yang diperolehi daripada responden sepanjang tempoh kajian akan dikumpulkan dan hanya digunakan bagi tujuan mendapatkan data yang diperlukan untuk kajian penyelidikan ini.

Kajian Rintis

Pengkaji menggunakan kajian rintis yang berbentuk kajian kuantitatif. Justeru itu, pengkaji menjalankan kajian rintis terhadap 30 orang guru pelatih yang terdiri daripada 48 semester 5 yang mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia secara sepenuh masa di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Jadual 1 Hasil Dapatan Dan Kebolehpercayaan Kajian Rintis

KONSTRUK SOALAN IKUT BILANGAN	BILANGAN ITEM	CRONBACH ALPHA
Keseluruhan soal selidik (Bahagian B, C dan D)	30	0.77
Bahagian B: Mengenal pasti kemahiran penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih di KUIS	10	0.80
Bahagian C: Mengenal pasti tahap kesediaan guru pelatih di KUIS dalam mengamalkan penggunaan TMK terhadap pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc)	10	0.88
Bahagian D: Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru pelatih di KUIS untuk menggunakan TMK terhadap pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc)	10	0.7

Analisis Data

Pengkaji mengumpulkan data-data soal selidik yang diperolehi daripada responden dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 25.0. Dalam kajian ini menggunakan kaedah statistik deskriptif. Tujuan kaedah statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini adalah untuk menunjukkan peratusan (%), min, kekerapan dan sisihan piawai yang berdasarkan kepada tinjauan soal selidik yang dikaji.

Jadual 2 Interpretasi Skor Min

Skor min	Interpretasi
4.01 hingga 5.00	Tinggi
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
1.00 hingga 2.00	Rendah

Sumber : Nunally (1978)

Dapatan Kajian

1. Maklumat Demografi Responden

Bahagian demografi ini terdiri daripada jantina responden, umur responden, semester pengajian responden dan CGPA terkini responden.

Jadual 3: Maklumat Demografi Responden

Bil.	Latar belakang	Item	Kekerapan	Peratusan
1.	Jantina	Lelaki	36	39.1%
		Perempuan	56	60.9%
2.	Umur	19-21 tahun	2	2.2%
		22-24 tahun	69	75%
		25 tahun ke atas	21	22.8%
3.	Semester Pengajian	Semester 6	62	67.4%
		Semester 7	30	32.6%
4.	CGPA terkini	2.00 - 2.50	6	6.5%
		2.51 - 3.00	5	5%
		3.01 - 3.50	21	22.8%
		3.51 - 4.00	60	65.2%
1.	Jantina	Lelaki	36	39.1%
		Perempuan	56	60.9%
3.	Umur	19-21 tahun	2	2.2%
		22-24 tahun	69	75%
		25 tahun ke atas	21	22.8%
3.	Semester Pengajian	Semester 6	62	67.4%
		Semester 7	30	32.6%
4.	CGPA terkini	2.00 - 2.50	6	6.5%
		2.51 - 3.00	5	5%
		3.01 - 3.50	21	22.8%
		3.51 - 4.00	60	65.2%

2. Mengenal Pasti Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Dalam Kalangan Guru Pelatih KUIS

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai, Interpretasi Min setiap item mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru pelatih KUIS untuk menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc).

Jadual 4 Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Dalam Kalangan Guru Pelatih KUIS

Kod	Item Soalan	Kekerapan & Peratusan (%)					Min	S.P
		STS	TS	KS	S	SS		
B1	Saya mahir dalam menghasilkan slaid dengan menggunakan <i>Microsoft Office PowerPoint</i>	-	-	5 5.4%	34 37%	53 57.6%	4.52	0.60
B2	Saya mahir dalam menyunting gambar menggunakan <i>Adobe Photoshop</i>	-	5 5.4%	33 35.9%	30 32.6%	24 26.1%	3.79	0.89
B3	Saya mahir menggunakan <i>Microsoft Office Word</i> bagi tugas penulisan	-	-	4 4.3%	27 29.3%	61 66.3%	4.61	0.57
B4	Saya mahir dalam mengendalikan projektor	2 2.2%	4 4.3%	24 26.1%	34 37%	28 30.4%	4.07	0.96
B5	Saya mahir dalam menghasilkan video sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam sesi PdPc	-	2 2.2%	17 18.5%	45 48.9%	28 30.4%	4.07	0.75
B6	Saya mahir menyediakan RPH menggunakan <i>Microsoft Office Word</i>	-	-	15 16.3%	37 40.2%	40 43.5%	4.27	0.72
B7	Saya mahir menggunakan <i>Youtube</i> sebagai	-	1 1.1%	9 9.8%	36 39.1%	46 50%	4.38	0.70

	pemudahcara dalam sesi PdPc							
B8	Saya mahir melayari laman web untuk mencari maklumat pengajaran	-	-	3 3.3%	38 41.3%	51 55.4%	4.52	0.56
B9	Saya mahir menggunakan perisian seperti <i>Adobe Illustrator, Adobe Animate, dan Filmora</i>	-	2 2.2%	30 32.6%	37 40.2%	23 25%	3.88	0.80
B10	Saya mahir untuk berkongsi bahan pengajaran melalui pelbagai format seperti <i>PPT, DOC, PDF</i> di dalam <i>WhatsApp, Telegram, Google Drive, dan Google Classroom</i>	-	-	6 6.5%	25 27.2%	61 66.3%	4.59	0.61

Berdasarkan pada jadual 4 memaparkan perincian bagi taburan kekerapan min, sisihan piawai dan interpretasi mengenal pasti kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam kalangan guru pelatih KUIS. Analisis item yang mendapat tahap min yang tertinggi antara 10 item di bahagian B ialah B3 iaitu mahir menggunakan *Microsoft Office Word* bagi tugas penulisan (min=4.61, sp=0.57). Dapatan kajian menunjukkan seramai 4 orang (4.3%) tidak setuju dengan item seramai 61 orang responden yang sangat setuju (66.3%) dan seramai 27 orang setuju (29.3%) yang mahir menggunakan *Microsoft Office Word* bagi tugas penulisan manakala seramai 4 orang (4.3%) tidak setuju dengan kenyataan item tersebut.

Item yang mendapat min yang kedua tertinggi ialah B10 iaitu mahir untuk berkongsi bahan pengajaran melalui pelbagai format seperti *PPT, DOC, PDF* di dalam *WhatsApp, Telegram, Google Drive, dan Google Classroom* (min=4.59, sp =0.61). Di dalam item ini seramai 25 orang responden (27.2%) setuju dan 61 orang responden (66.3%) sangat setuju bahawa mereka mahir untuk berkongsi bahan pengajaran melalui pelbagai format seperti *PPT, DOC, PDF* di dalam *WhatsApp, Telegram, Google Drive, dan Google Classroom*. Akan tetapi terdapat 6 orang responden (6.5%) menjawab kurang setuju dalam berkongsi bahan pengajaran melalui pelbagai format seperti *PPT, DOC, PDF* di dalam *WhatsApp, Telegram, Google Drive, dan Google Classroom*.

3. Mengenal Pasti Kesiediaan Guru Pelatih KUIS Dalam Mengamalkan Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Terhadap Proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)

Jadual 5 *Min dan Sisihan Piawai, Interpretasi Min setiap item mengenal pasti kesediaan guru pelatih KUIS dalam mengamalkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)*

Kod	Item Soalan	Kekerapan & Peratusan (%)					Min	S.P
		STS	TS	KS	S	SS		
C1	Saya bersedia menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat bahan pengajaran	-	-	-	63 68.5%	63 68.5%	4.68	0.46
C2	Saya boleh menghasilkan BBM dengan berasaskan teknologi	-	1 1.1%	7 7.6%	42 45.7%	42 45.7%	4.35	0.67
C3	Saya bersedia untuk mempelbagaikan aktiviti pengajaran yang menarik dengan menggunakan teknologi dan multimedia	-	1 1.1%	5 5.4%	33 35.9%	53 57.6%	4.50	0.65
C4	Saya bersedia menggunakan video sebagai rujukan seperti <i>Youtube</i>	-	-	4 4.3%	37 40.2%	51 55.4%	4.51	0.58
C5	Saya bersedia menggunakan perisian <i>Microsoft PowerPoint</i> sebagai peranti persembahan	-	-	4 4.3%	30 32.6%	58 63%	4.58	0.58
C6	Saya boleh memuat turun bahan-bahan PdPc ke dalam komputer	-	-	3 3.3%	33 35.9%	56 60.9%	4.57	0.55
C7	Saya telah mengetahui cara menggunakan pelbagai peralatan teknologi seperti komputer riba	2 2.2%	-	26 28.3%	39 42.4%	25 27.2%	3.92	0.86
C8	Saya telah mengetahui cara menggunakan pelbagai peralatan teknologi seperti komputer riba	-	-	5 5.4%	41 44.6%	46 50%	4.44	0.59

C9	Sewaktu PdPc saya dapat memanfaatkan penggunaan peralatan komputer dengan baik	-	-	4 4.3%	53 57.6%	35 38%	4.33	0.56
C10	Saya bersedia melaksanakan PdPc dengan dibantu sistem audio	-	-	8 8.7%	45 48.9%	39 42.4%	4.33	0.63

Berdasarkan jadual 5 ialah taburan kekerapan, min, sisihan piawai, interpretasi min mengenal pasti kesediaan guru pelatih KUIS dalam mengamalkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) terhadap proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Di samping itu, min yang tertinggi antara 10 item dalam bahagian C ialah saya bersedia menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat dan bahan pengajaran (min=4.68, sp=0.46). Majoriti responden bersetuju dengan item mengenai bersedia menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat bahan pengajaran iaitu seramai 63 orang responden (68.5%) sangat setuju dan 29 orang responden (31.5%) setuju.

Seterusnya, item yang mendapat min sederhana tinggi ialah saya dapat memasang projektor tanpa masalah sebelum memulakan PdPc (min=3.92, sp=0.86). Seramai 25 orang responden (27.2%) sangat setuju dan 39 orang responden (42.4%) setuju bahawa dapat memasang projektor tanpa masalah sebelum memulakan PdPc. Manakala 26 orang responden (28.3%) kurang setuju dan 2 orang responden (2.2%) sangat tidak setuju. Ini jelaslah bahawa masih ada pelajar Fakulti Pendidikan Islam dengan Multimedia KUIS tidak dapat memasang projektor tanpa masalah sebelum memulakan PdPc.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

1.1 Perbincangan Dapatan Kemahiran Penggunaan TMK Dalam Kalangan Guru Pelatih

Hasil keseluruhan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa pelajar Fakulti Pendidikan semester 6 dan semester 7 di KUIS mengenai tahap kemahiran penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih pada tahap tinggi. Hal ini bermakna, responden guru pelatih bersetuju bahawa penggunaan teknologi adalah aspek utama dalam meningkatkan kualiti PdPc. Ini dapat dibuktikan melalui kecenderungan responden yang majoriti lingkungan awal 20-an ini menggunakan pelbagai peralatan teknologi dalam PdPc di samping lebih memilih kepada strategi pengajaran yang sesuai dan terkini mengikut arus peredaran masa.

Hasil dapatan kajian dalam item ini disokong oleh kajian Chew Le Yee dan Suziyani Mohamed, (2021) yang mendapati bahawa tahap kemahiran guru-guru terhadap penggunaan TMK berada pada tahap tinggi.

Implikasi Dapatan Kajian

1. Implikasi terhadap Teori Kajian

Penemuan baharu dalam kajian ini, adalah majoriti guru pelatih mempunyai pengetahuan yang baik dalam menggunakan TMK bagi melaksanakan proses PdPc. Di samping itu, seiring perkembangan teknologi, guru pelatih zaman ini mahir dalam mengendalikan perisian TMK yang terkini seperti *Google Classroom* dan *YouTube* yang mana perisian ini merupakan salah satu medium penyampaian pemudahcara guru pelatih di dalam kelas.

2. Implikasi terhadap Guru Pelatih

Implikasi terhadap amalan pendidikan ialah memberi kesedaran kepada warga pendidikan tentang betapa pentingnya latihan berterusan untuk menggalakkan teknologi dalam kalangan guru pelatih agar mereka mengamalkan strategi pengajaran yang lebih dinamik dan berkesan.

3. Implikasi terhadap Fakulti Pendidikan

Dapatan ini memberi implikasi kepada pihak Fakulti Pendidikan dalam memperbaiki usaha untuk melahirkan bakal pendidik yang dihasratkan bagi mencapai objektif guru pelatih yang berwibawa dan berketerampilan.

Cadangan

1. Kajian ini dijalankan terbatas terhadap mahasiswa Fakulti Pendidikan, iaitu terhadap tahap pengetahuan, kemahiran serta kesediaan guru pelatih di Fakulti Pendidikan KUIS sahaja. Oleh itu, pengkaji mencadangkan untuk membuat kajian mengenai persepsi mahasiswa terhadap penggunaan TMK dalam PdPc bagi seluruh institusi pendidikan di Malaysia. Maklumat ini boleh memberi gambaran yang sebenar berkaitan dengan penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih di Malaysia.

2. Kajian ini hanya dijalankan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Diharap skop kajian ini boleh diperluaskan lagi agar dapat melibatkan banyak pihak seperti institusi lain ataupun sekolah sama ada di kawasan bandar dan luar bandar untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai penggunaan TMK terhadap pengajaran dan pemudahcaraan.

3. Aspek berkenaan dengan kaedah penyelidikan diharap boleh diberi perhatian dalam kajian lanjutan. Antaranya ialah kajian ini hanya melibatkan metodologi secara kuantitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik sahaja. Oleh yang demikian, kajian susulan dicadangkan melibatkan gabungan kaedah penyelidikan secara kualitatif dan kuantitatif untuk memberikan gambaran yang lebih terperinci.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih adalah satu usaha yang baik dan memberi impak yang positif untuk melahirkan bakal guru yang mempunyai kemahiran TMK selaras dengan impian KPM untuk mencapai objektif abad ke-21. Hal ini kerana, guru pelatih generasi zaman ini mempunyai kesedaran tentang pentingnya untuk memiliki kemahiran serta kesediaan menggunakan teknologi yang menuntut mereka untuk sentiasa mengikuti perkembangan serta sentiasa mempelajari sesuatu perkara supaya guru pelatih tidak ketinggalan dengan perubahan semasa. Melalui kajian penggunaan TMK dalam kalangan guru pelatih, dapat dilihat dari segi aspek pengetahuan, kemahiran, kesediaan dan juga masalah-masalah yang dihadapi.

Oleh yang demikian, menerusi kajian ini diharap semua pihak yang terlibat seperti pensyarah, guru pelatih dan pihak Fakulti Pendidikan mampu memberi komitmen yang amat diperlukan dalam memastikan keberkesanan untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai kompetensi penggunaan teknologi agar pendidikan di negara ini seiring dengan negara maju yang lain dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti. Segala aspek yang berkaitan dengan TMK seperti perkakasan, peralatan, aplikasi dan juga rangkaian perlu di ambil perhatian memandangkan guru-guru pelatih boleh menggunakannya untuk tujuan PdPc.

Rujukan

Alagesan, A., Siti Hajar, H., & Mohana Dass, R. (2020). Kemahiran TMK Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil Sekolah Menengah. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 99–114.

Anas Redzuan, S., & Saifullnizam, P. (2018). Pengintegrasian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu. *Online Journal for TVET Practitioners Multidisciplinary Research in Education*, 3, 116–129.

Chew Le Yee & Suziyani, M. (2021). Kemahiran Guru dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(2), 44-53.

- Darchinie, R. R., & Md Yusoff, D. (2019). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Guru Matematik Sekolah Rendah dalam Mengintegrasikan Penggunaan Teknologi dalam PdPc. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 1(3), 24-33.
- Intan Marfarrina, Omar Simah, M., Suriati, S., & Nor Asiah, I. (2021). Tahap Pengetahuan Teknologi, Kemahiran dan Penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Komsas Guru Bahasa Melayu di Kelantan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(1), 47-60.
- Janet Lau Siew Chee & Roslinda Binti Rosli. (2020). Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Guru Matematik Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(11), 71 – 84.
- Ku Hafisal, K. M. & Abdull, S. S. (2020). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran Matematik. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 5(35), 49-57.
- Mohd. Noorhadi, M. Y., & Zurinah, T. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat dalam Pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 12(3), 1-10.
- Nalini & Norazah (2021). Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru Bahasa Tamil Terhadap Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 666-682.
- Romy, A.K, Mohd Asri, A.Z., Mohd Ali, S, Mohd Khalid & Normah, A.R. (2019). Tahap Pengetahuan dan Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT) Terhadap Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). *Jurnal Penyelidikan Teknokrat*. II (XXI).